

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG



PANDUAN

BERSOLAT, BERSUCI, & BERPUASA



BAGI PESAKIT



PANDUAN

BERSOLAT,
BERSUCI,
& BERPUASA

BAGI PESAKIT

Hak cipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa jua bentuk dan teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik atau lain-lain cara sebelum mendapat keizinan daripada penulis dan penerbit.

Cetakan Pertama : 2016

Penyusun :

BAHAGIAN FATWA

<http://mufti.penang.gov.my>

Penerbit :

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG,

Tingkat 48, KOMTAR,

10000 Georgetown,

Pulau Pinang.

Pencetak :

FZAD DESIGN

NASKHAH PERCUMA

KANDUNGAN

Panduan bersolat, bersuci & berpuasa bagi pesakit	
Pengenalan	6
BAB 1 KEWAJIPAN SOLAT LIMA WAKTU	
Kewajipan solat lima (5) waktu	8
BAB 2 CIRI-CIRI MUKALLAF YANG WAJIB MENUNAIKAN SOLAT	
Ciri-ciri individu Mukallaf yang wajib menunaikan solat	10
Syarat-syarat sah solat	11
BAB 3 PANDUAN BERSUCI DARIPADA NAJIS	
Panduan bersuci daripada najis	14
BAB 4 PANDUAN BERSUCI DARIPADA HADAS KECIL	
Panduan bersuci daripada hadas kecil	18
Panduan berwuduk	18
Panduan berwuduk bagi pesakit yang tidak boleh melakukan pergerakan dan memerlukan bantuan orang lain	22
BAB 5 PANDUAN BERTAYAMUM	
Panduan bertayamum	28
Bersuci daripada hadas kecil berdasarkan keadaan pesakit	33
Pesakit yang sentiasa berhadas	37
Panduan bersuci daripada hadas besar	39
BAB 6 BEBERAPA MASALAH BERKAITAN WANITA	42

KANDUNGAN

BAB 7 PANDUAN SOLAT BAGI PESAKIT	
Contoh panduan solat	48
Contoh panduan solat Jama' (menghimpunkan solat)	49
	65
BAB 8 PANDUAN BERPUASA BAGI PESAKIT	
Pendahuluan	70
Pengertian puasa	71
Rukun puasa	71
Syarat wajib puasa	71
Syarat sah Puasa	72
Perkara-perkara yang membatalkan puasa	72
Harus berbuka puasa	73
Puasa bagi pesakit	74
Penggunaan ubat dan alat-alat perubatan ketika berpuasa	75
Hukum meninggalkan atau membatalkan puasa	77
Pengertian Qada, Fidyah dan Kaffarah puasa ramadan	77
Qada Puasa bagi yang meninggalkannya kerana sakit	78
Qada puasa beserta Fidyah	79
Fidyah puasa	79
Qada puasa beserta Kaffarah Fidyah puasa	80
Panduan nasihat dan doa	80
Penutup	90
RUJUKAN	91

PANDUAN BERSOLAT, BERSUCI & BERPUASA BAGI PESAKIT

PENGENALAN

Buku ini mengandungi panduan ringkas bersolat, bersuci dan berpuasa khususnya bagi pesakit. Secara dasarnya ia disusun menurut pandangan fiqh Mazhab Syafie yang digunakan secara meluas di Nusantara.

Selain itu, disertakan pandangan Mazhab *Fiqh muktabar* yang lain di dalam beberapa masalah tertentu sebagai alternatif bagi tujuan memudahkan pesakit.

Pesakit boleh memilih untuk melaksanakan ibadah menurut Mazhab Syafie sepenuhnya atau menurut mazhab lain dalam bahagian-bahagian tertentu sekali pun ia mengakibatkan berlaku percampuran di antara Mazhab yang diistilahkan sebagai *talfiq*.

Walaupun hukum berkenaan *talfiq* di antara Mazhab ini secara umumnya diperselisihkan di kalangan ilmunan Islam namun pandangan yang mengharuskan *talfiq* boleh digunakan terutamanya ketika wujud keperluan di dalam pelaksanaan ibadah.

Contoh *Talfiq* : Seorang yang berwuduk tanpa niat dengan mengikut Mazhab Hanafi yang tidak mensyaratkan niat dalam wuduk dan setelah berwuduk tangannya terluka serta mengeluarkan darah, kemudian solat menggunakan wuduk tersebut mengikut mazhab Syafie yang berpendapat bahawa keluar darah daripada selain saluran qubul dan dubur tidak membatalkan wuduk. Jika mengikut pandangan Mazhab Syafie solat yang dilakukan adalah tidak sah kerana wuduk tanpa niat. Manakala menurut pandangan Hanafi solat yang dilakukan tidak sah kerana keluar darah membatalkan wuduk. Namun menurut pandangan yang mengharuskan *talfiq* solat yang dilakukan tetap sah.

Bab
1KEWAJIPAN
SOLAT LIMA (5)
WAKTU

KEWAJIPAN SOLAT LIMA (5) WAKTU

Solat salah satu daripada lima (5) rukun Islam. Sabda Nabi SAW :

بُني الإسلامُ على خمسٍ : شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله ، وإقام الصلاة ، وإيتاء الزكاة ، والحج ، وصوم رمضان . (أخرجه البخاري عن ابن عمر رضي الله عنهما)

Islam terbina di atas lima (5) perkara : Menyaksikan bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan berpuasa Ramadan. (Hadith riwayat al-Bukhari daripada Ibn Umar RA)

Setiap mukallaf wajib menunaikan lima solat fardu sehari semalam pada waktu yang ditetapkan iaitu Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh. Firman Allah SWT :

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَامًا وَقَعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ ۚ فَإِذَا اطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ ۚ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan solat, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah solat itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman yang tertentu waktunya.

(an-Nisa : 103)

Bab
2CIRI-CIRI
MUKALLAF
YANG WAJIB
MUNUNAIKAN
SOLAT

CIRI-CIRI INDIVIDU MUKALLAF YANG WAJIB MENUNAIKAN SOLAT

1. Solat.
2. Mencecah usia *baligh*.
3. Berakal.

Solat wajib ditunaikan selagi individu itu masih sedar, sekalipun tidak mampu bergerak.

Individu yang hilang sedar sepanjang waktu solat bukan akibat pelampauan menurut syarak seperti pengambilan ubat bius yang dibenarkan gugur daripadanya kewajipan solat waktu tersebut. Namun sunat diqada setelah kembali sedar.

Wajib ditunaikan solat dalam waktunya jika kembali sedar walaupun di akhir waktu.

Jika hilang sedar sepanjang waktu Zohor dan kembali sedar walaupun di akhir waktu Asar wajib ditunaikan solat Asar dan diqada solat Zohor. Begitu juga jika hilang sedar sepanjang waktu Maghrib dan kembali sedar walaupun di akhir waktu Isyak wajib ditunaikan solat Isyak dan diqada solat Maghrib.

4. Suci daripada *haid* dan *nifas*.

Jika seseorang wanita suci daripada haid atau nifas di dalam waktu solat walaupun di akhir waktu, wajib ditunaikan solat waktu tersebut.

Sebagai contoh, jika suci walaupun di akhir waktu Asar wajib ditunaikan solat Asar dan diqada solat Zohor. Begitu juga jika suci walaupun di akhir waktu Isyak wajib ditunaikan solat Isyak dan diqada solat Maghrib.

SYARAT-SYARAT SAH SOLAT

Solat yang dilakukan mestilah memenuhi syarat-syarat berikut :

1. Dilakukan dalam keadaan suci daripada najis pada tubuh badan, pakaian dan tempat solat.

Menurut Mazhab Syafie pesakit yang tidak mampu menghilangkan najis pada tubuh badan, wajib menunaikan solat sekalipun bersama najis sebagai menghormati waktu. Namun solat tersebut perlu diulang kembali setelah sembuh.

Menurut satu pandangan *masyhur* Mazhab Maliki, pesakit yang tidak mampu menghilangkan najis pada tubuh badan wajib menunaikan solat sekalipun bersama najis dan solat tersebut sah serta tidak perlu diulang setelah sembuh.

2. Dilakukan dalam keadaan suci daripada hadas besar dan kecil. Pesakit yang tidak mampu bersuci daripada hadas besar mahu pun hadas kecil wajib menunaikan solat pada waktunya sebagai menghormati waktu. Namun ia perlu diulang kembali setelah sembuh menurut Mazhab Syafie.
3. Dilakukan dalam keadaan menutup aurat iaitu di antara pusat dan lutut bagi lelaki dan seluruh tubuh badan kecuali muka dan dua tapak tangan serta belakangnya bagi wanita. Bahagian bawah dagu juga termasuk aurat bagi wanita. Pesakit yang tidak mampu menutup auratnya boleh solat mengikut keadaannya dan solat tersebut sah serta tidak perlu diulang.
4. Dilakukan dalam keadaan menghadap kiblat. Pesakit yang tidak mampu menghadap kiblat boleh solat ke arah lain mengikut keadaannya. Namun solat tersebut perlu diulang semula setelah sembuh menurut Mazhab Syafie. Menurut pandangan Mazhab Hanafi, pesakit yang tidak mampu menghadap kiblat boleh solat ke arah lain mengikut keadaannya dan solat tersebut sah serta tidak perlu diulang.
5. Dilakukan setelah masuk waktu.

PANDUAN

BERSOLAT, BERSUCI & BERPUASA

  BAGI PESAKIT 

Bab
3

PANDUAN BERSUCI DARIPADA NAJIS



PANDUAN BERSUCI DARIPADA NAJIS

Menyucikan najis pada kemaluan.

- i. Sebaiknya pesakit menggunakan air untuk menghilangkan najis jika mampu berbuat demikian.
- ii. Jika tidak mampu menggunakan air atau tidak mahu menggunakannya, pesakit boleh menggunakan bahan-bahan lain yang suci, kering dan kesat serta bukan suatu yang ada kehormatannya seperti makanan atau mushaf al-Quran. Contoh bahan-bahan yang boleh digunakan : batu atau tisu kesat yang kering.
- iii. Jika gunakan bahan selain air disyaratkan beberapa syarat berikut :
 - a) Hendaklah dibersihkan tempat keluar najis sebelum ia kering. Jika kering hendaklah dibasuh dengan air.
 - b) Hendaklah dibersihkan sekurang-kurangnya tiga kali jika ia boleh bersih dengan kadar tersebut. Jika tidak bersih hendaklah diulang sehingga bersih.
 - c) Najis yang keluar daripada dubur hendaklah tidak melampaui bahagian yang tercantum di antara dua belah punggung seseorang ketika berdiri. Manakala yang keluar daripada qubul hendaklah tidak melampaui kepala zakar bagi seorang lelaki dan tidak meleleh dari tempat keluarnya ke bahagian lain bagi seorang perempuan. Jika najis tersebut melampaui bahagian tersebut, hendaklah dibasuh dengan air.

Menyucikan najis bukan pada kemaluan seperti najis yang terkena pada tubuh badan yang lain.

- i. Bahagian yang terkena najis hendaklah disucikan dengan air dan tidak memadai jika hanya dilap sahaja.

- ii. Jika tidak mampu atau tidak boleh menggunakan air kerana ditakuti mendatangkan *mudharat*, najis yang ada perlu dibersihkan dan dikurangkan kuantitinya sekadar kemampuan. Setelah itu sucikan diri daripada hadas dan tunaikan solat fardu sahaja sebagai menghormati waktu. Solat ini perlu *diqadha* kembali setelah pulih menurut Mazhab Syafie.
- iii. Pesakit yang tidak mampu menghilangkan najis pada tubuh badan boleh memilih untuk solat seperti biasa dengan kewujudan najis mengikut pandangan Mazhab Maliki. Solat yang dilakukan ini sah serta tidak perlu diulang.

PANDUAN

BERSOLAT, BERSUCI & BERPUASA

  BAGI PESAKIT 

Bab
4

PANDUAN BERSUCI DARIPADA HADAS KECIL




PANDUAN BERSUCI DARIPADA HADAS KECIL

Cara bersuci daripada hadas kecil ialah dengan berwuduk atau bertayammum bagi mengharuskan solat.

Wuduk ialah menggunakan air yang suci lagi menyucikan pada empat anggota iaitu muka, tangan, kepala dan kaki dengan cara yang menurut syarak tertentu.

PANDUAN BERWUDUK

Cara berwuduk : Membasuh Muka




Langkah 1 :
Semburkan air pada tapak tangan sehingga kelihatan sedikit bertakung.



Langkah 2 :
Mengalir dan meratakan air ke seluruh muka disertai dengan niat.

Cara berwuduk : Membasuh Tangan




Langkah 1 :
Semburkan air pada tapak tangan sehingga kelihatan sedikit bertakung.



Langkah 2 :
Mengalir dan meratakan air kepada seluruh anggota tangan dari hujung jari hingga hujung siku.




Langkah 3 :
Basuhan dari sebelah belakang dengan basuhan dari hujung jari.

Cara berwuduk : Menyapu Kepala


Langkah 1 :
Semburkan air pada tapak tangan sehingga kelihatan sedikit bertakung.




Langkah 2 :
Sapukan air pada bahagian kepala.



Langkah 2 :
Mengalir dan meratakan air dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari pesakit.



Langkah 3 :
Mengalir dan meratakan air pada celah-celah jari kaki pesakit.

Cara berwuduk : Membasuh Kaki

Langkah 1 :
Semburkan air pada kedua-dua anggota kaki pesakit dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari.

* Setiap anggota wuduk yang mesti dibasuh adalah tidak memadai jika hanya disapu dengan air. Pastikan air mengalir di atas anggota yang dibasuh sebelum ia diratai di semua bahagian anggota tersebut. Ini terutamanya bagi mereka yang menggunakan semburan air.
* Pesakit boleh meminta bantuan orang lain untuk membantunya berwuduk.

PANDUAN BERWUDUK BAGI PESAKIT YANG TIDAK BOLEH MELAKUKAN PERGERAKAN DAN MEMERLUKAN BANTUAN ORANG LAIN

Cara berwuduk : Membasuh Muka




Langkah 1 :
Semburkan air pada tapak tangan pembantu sehingga sedikit bertakung.




Langkah 2 :
Mengalir dan meratakan air ke seluruh bahagian muka pesakit dari atas ke bawah disertai dengan niat oleh pesakit.

Cara berwuduk : Membasuh Tangan



Langkah 1 :
Semburkan air terus kawasan tangan sehingga mengalir.




Langkah 2 :
Mengalir dan meratakan air ke seluruh anggota tangan pesakit dari hujung siku hingga ke jari.

Cara berwuduk : Menyapu Kepala



Langkah 1 :
Semburkan air pada tapak tangan pembantu sehingga sedikit bertakung.

Cara berwuduk : Membasuh Kaki



Langkah 1 :
Semburkan air pada kedua-dua anggota kaki pesakit dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari.



Langkah 2 :
Sapukan air pada sebahagian kepala pesakit.



Langkah 2 :
Mengalir dan meratakan air dari atas buku lali ke bawah hingga ke hujung jari pesakit.

PANDUAN

BERSOLAT, BERSUCI & BERPUASA

  BAGI PESAKIT 

Bab
5

PANDUAN BERTAYAMUM



PANDUAN BERTAYAMUM

Tayamum ialah menyapu muka dan dua belah tangan meliputi siku dengan debu tanah yang bersih atau bahan lain yang boleh digunakan mengikut syarat-syarat yang tertentu.

Tayamum Mengikut Mazhab Syafie

1. Bahan yang boleh digunakan ialah tanah berdebu yang suci daripada najis serta tidak *musta'mal*. Tanah *musta'mal* ialah yang melekat di anggota *tayamum* (muka / tangan) ketika *tayamum* atau yang betebaran setelah disapu pada anggota *tayamum*. Tanah daripada tempat yang ditepuk pertama kali tidak dihukumkan *musta'mal* dan boleh digunakan beberapa kali walaupun kuantitinya sedikit.
2. Jika bertayamum untuk solat fardu, *tayamum* mesti dilakukan setelah masuk waktu solat.
3. Sucikan diri daripada najis dan pastikan arah kiblat sebelum bertayamum untuk solat.
4. Tanggalkan cincin, jam tangan dan gelang jika ada.
5. Tepuk dua tapak tangan pada tanah berdebu sekali. Berniat ketika memindahkannya sehingga menyentuh sebahagian muka :
"Sahaja aku bertayamum bagi mengharuskan fardu solat kerana Allah Ta'ala."

Jika tidak diniatkan '*fardu*', *tayamum* ini tidak boleh digunakan untuk solat fardu. Namun masih boleh digunakan untuk solat sunat dan ibadah sunat yang lain.
6. Sapu dan ratakan debu tanah di dua tapak tangan ke seluruh bahagian muka.
7. Buang saki baki debu tanah yang ada di tapak tangan.
8. Tepuk dua tapak tangan pada tanah berdebu sekali lagi.

9. Sapu debu tanah di tapak tangan kiri ke tangan kanan hingga meliputi siku dan begitu juga debu tanah di tapak tangan kanan ke tangan kiri hingga meliputi siku.
10. Sunat diselati jari jemari tangan.
11. Satu *tayamum* hanya boleh digunakan untuk satu solat fardu sahaja dan seberapa banyak solat dan ibadah sunat yang lain.

Tayamum Mengikut Mazhab Hanafi

1. Bahan yang boleh digunakan ialah apa sahaja bahan yang suci daripada jenis muka bumi selain bahan yang boleh menjadi abu setelah dibakar seperti pohon kayu dan bahan yang boleh dilebur seperti besi.

Contoh bahan yang boleh digunakan : tanah, batu dan garam bukit. Tidak disyaratkan ianya berdebu. Boleh menepuk di atas tanah liat atau batu yang tidak berdebu. (Boleh dibasuh terlebih dahulu sebelum digunakan sebagai bahan *tayamum*).
2. Jika bertayamum untuk solat fardu ia boleh dilakukan walaupun sebelum masuk waktu solat.
3. Tanggalkan cincin, jam tangan dan gelang jika ada.
4. Tepuk dua tapak tangan pada bahan *tayamum* sekali dengan niat *tayamum* :
"Sahaja aku bertayamum kerana Allah Ta'ala."
Niat boleh dilakukan ketika menepuk dua tapak tangan pada bahan *tayamum* atau ketika menyapunya ke muka.
5. Sapu dua tapak tangan ke seluruh muka.
6. Tepuk dua tapak tangan pada bahan *tayamum* sekali lagi.
7. Sapu tapak tangan kiri ke tangan kanan hingga meliputi siku dan begitu juga sapu tapak tangan kanan ke tangan kiri hingga meliputi siku.

8. Wajib diselati jari-jemari tangan.
9. Satu *tayamum* boleh digunakan untuk seberapa banyak solat fardu , solat dan ibadah yang lain selagi ia tidak terbatal.

Pesakit yang diharuskan bertayammum boleh memilih untuk bertayammum berdasarkan Mazhab Syafie atau Mazhab Hanafi seperti yang disebutkan.

Cara Tayamum Menggunakan Debu Tanah

Cara sapu muka




Langkah 1 :
Menepuk dua tapak tangan pada debu tanah kali pertama untuk menyapu muka.



Langkah 2 :
Menyapu muka.




Langkah 3 :
Membuang debu yang telah digunakan.



Langkah 4 :
Menepuk dua tapak tangan ke debu tanah pada kali kedua untuk menyapu kedua tangan.




Langkah 5 :
Memindahkan debu tanah.



Langkah 6 :
Menyapu bahagian tangan kanan sebelah belakang tapak tangan kanan dengan menggunakan empat perut jari tangan kiri (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.



Langkah 7 : Menyapu bahagian tangan kanan sebelah hadapan dari siku hingga ke hujung ibu jari dengan menggunakan debu tanah pada tapak tangan kiri dan ibu jari tangan kiri menyapu belakang ibu jari tangan kanan.



Langkah 8 : Menyapu bahagian tangan kiri sebelah belakang tapak tangan kiri dengan menggunakan empat perut jari tangan kanan (selain ibu jari) dari hujung jari hingga ke siku.



Langkah 9 : Menyapu tangan kiri sebelah hadapan dari siku sehingga ke hujung ibu jari dengan menggunakan debu tanah pada tapak tangan kanan dan ibu jari tangan kanan menyapu belakang ibu jari tangan kiri.

Catatan :

- Untuk menyapu tangan, wajib ditanggalkan cincin, jam tangan dan gelang sekiranya debu tanah tidak sampai di bawahnya. Jika sampai debu maka sunat sahaja menanggalkannya.
- Sunat menipiskan debu tanah pada tapak tangan sebelum disapukan ke anggota *tayamum*.

BERSUCI DARIPADA HADAS KECIL BERDASARKAN KEADAAN PESAKIT

Anggota Wuduk Pesakit Boleh Dikenakan Air

- Jika semua anggota wuduk boleh dikenakan air dan pesakit mampu berwuduk hendaklah berwuduk dengan sempurna seperti biasa.
- Jika semua anggota wuduk boleh dikenakan air tetapi pesakit tidak mampu berwuduk kerana tidak boleh bergerak umpamanya:
 - Hendaklah mendapatkan seseorang yang boleh membantu mewudukkannya.
 - Jika tiada sesiapa yang mewudukkannya sedangkan dia mampu *bertayamum*, hendaklah dia *bertayamum*. Solat tidak perlu diulang setelah sembuh.
 - Jika tidak mampu *bertayamum* hendaklah solat tanpa *tayamum*. Solat tersebut hendaklah diulang setelah sembuh.
- Jika anggota wuduk berbalut dan boleh dibuka dengan mudah serta tidak mendatangkan mudarat jika terkena air, hendaklah berwuduk dengan sempurna seperti biasa.

Anggota Wuduk Pesakit Tidak Boleh Dikenakan Air

Anggota Wuduk Tidak Berbalut

- Jika semua anggota wuduk pesakit tidak berbalut dan semuanya tidak boleh dikenakan air seperti melecur
 - Hendaklah *bertayamum* dan solat. Solat tidak perlu diulang setelah sembuh.
 - Jika tidak boleh *bertayamum* dan disahkan oleh Pegawai Perubatan, hendaklah solat tanpa *tayamum* sebagai menghormati waktu. Solat ini hendaklah diulang setelah sembuh.

- ii. Jika semua anggota wuduk pesakit tidak berbalut dan hanya sebahagiannya tidak boleh dikenakan air.
 - a) Jika sebahagian besar anggota wuduk (contohnya muka, kepala dan lengan) boleh dikenakan air, hendaklah berwuduk dengan dibasuh semua anggota yang boleh dibasuh dan disapu kepala.
 - b) Anggota yang tidak boleh dibasuh jika boleh disapu air di atasnya hendaklah disapu dengan air, jika tidak boleh disapu tidak perlu disapu.
 - c) Tunaikan solat dan solat tersebut tidak perlu diulang.
 - d) Jika sebahagian besar anggota wuduk tidak boleh dikenakan air, hanya perlu bertayamum dan kemudian tunaikan solat serta tidak perlu diulang.


Anggota Wuduk Berbalut

- i. Berbalut semua anggota wuduk :
Jika tidak boleh berwuduk dan bertayamum, tunaikan solat sebagai menghormati waktu dan solat tersebut hendaklah diulang setelah sembuh.
- ii. Berbalut sebahagian muka sahaja



- a) Basuh bahagian muka yang boleh dikenakan air beserta niat wuduk dan kemudian sapu air di atas pibalut. Jika mendatangkan mudharat tidak perlu disapu.
- b) Sempurnakan wuduk dengan membasuh kedua tangan hingga ke siku, menyapu air pada kepala dan membasuh kedua kaki hingga ke buku lali.
- c) Solat yang dilakukan tidak perlu diulang.

- iii. Berbalut keseluruhan muka
 - a) Sapu air di atas pibalut muka beserta niat wuduk. Jika mendatangkan mudharat tidak perlu disapu.
 - b) Sempurnakan wuduk dengan membasuh kedua tangan hingga ke siku, menyapu air pada kepala dan membasuh kedua kaki hingga ke buku lali.
 - c) Solat yang dilakukan tidak perlu diulang.
- iv. Berbalut sebahagian tangan



- a) Basuh muka beserta niat wuduk :
 - b) Basuh bahagian tangan yang boleh dikenakan air hingga ke siku dan sapu air di atas pibalut. Jika mendatangkan mudharat tidak perlu disapu.
 - c) Sempurnakan wuduk dengan menyapu air pada kepala dan membasuh kedua kaki hingga ke buku lali.
 - d) Solat yang dilakukan tidak perlu diulang.
- v. Berbalut keseluruhan tangan.

- a) Basuh muka beserta niat wuduk. Boleh gunakan penyembur air jika mampu.
- b) Sapu air di atas pibalut tangan jika mampu dan boleh minta bantuan sesiapa menyapukan air di atas pibalut. Jika mendatangkan mudharat tidak perlu disapu.
- c) Sempurnakan wuduk. dengan menyapu kepala dan membasuh kedua kaki hingga ke buku lali. Boleh gunakan penyembur air jika mampu.
- d) Solat yang dilakukan tidak perlu diulang.
- e) Jika tidak mampu menggunakan tangan dan tiada sesiapa yang membantu untuk berwuduk. hendaklah solat sebagai menghormati waktu dan perlu diulang.

vi. Berbalut sebahagian kepala sahaja



- Basuh muka beserta niat wuduk dan kedua tangan hingga ke siku.
- Sapu air pada bahagian kepala yang tidak berbalut dan sebaiknya disapu juga di atas pembalut jika tidak mendatangkan *mudharat*.
- Basuh kedua kaki hingga ke buku lali.
- Solat yang dilakukan tidak perlu diulang.

vii. Berbalut keseluruhan kepala

- Basuh muka beserta niat wuduk dan kedua tangan hingga ke siku.
- Sapu air di atas pembalut kepala. Jika mendatangkan *mudharat* tidak perlu disapu.
- Basuh kedua kaki hingga ke buku lali.
- Solat yang dilakukan tidak perlu diulang.

viii. Berbalut sebahagian kaki.



- Basuh muka beserta niat wuduk dan kedua tangan kemudian sapu kepala.
- Basuh bahagian kaki yang boleh dikenakan air hingga ke buku lali.
- Sapu air di atas pembalut. Jika mendatangkan *mudharat* tidak perlu disapu.
- Solat yang dilakukan tidak perlu diulang.

ix. Berbalut keseluruhan kaki.

- Basuh muka beserta niat wuduk dan kedua tangan kemudian sapu kepala.
- Sapu air di atas pembalut kaki hingga ke buku lali. Jika mendatangkan *mudharat* tidak perlu disapu.
- Solat yang dilakukan tidak perlu diulang.

PESAKIT YANG SENTIASA BERHADAS

Pesakit yang menghadapi penyakit *salas* (keluar air kencing / darah *istihadhah* berterusan) atau yang seumpamanya boleh memilih melakukan salah satu daripada berikut :



i. Solat fardu pada setiap waktu (menurut Mazhab Syafie).

- Sucikan diri daripada najis dan gunakan lampin atau seumpamanya pada tempat keluar najis.

- b) Setelah itu sucikan diri daripada hadas. Kedua-duanya mesti dilakukan setelah masuk waktu solat.
 - c) Segera tunaikan solat. Solat adalah sah dan tidak perlu diulang walau pun najis tetap keluar ketika sedang berwuduk dan solat.
 - d) Satu wuduk hanya boleh digunakan untuk satu solat fardu sahaja dan seberapa banyak ibadah sunat yang lain.
- ii. Melakukan *jama'* (himpun) bagi solat-solat yang boleh *dijama'*kan (menurut Mazhab Hanbali dan pandangan pilihan sebahagian 'ulama Mazhab Syafie).
- a) Sucikan diri daripada najis dan hadas setelah masuk waktu solat dan kemudian solat. Solat adalah sah dan tidak perlu diulang.
 - b) Satu wuduk boleh digunakan untuk lebih daripada satu solat fardu dan seberapa banyak ibadah sunat yang lain selama waktu solat tersebut belum habis. Contohnya bersuci di dalam waktu Zohor, boleh ditunaikan solat fardu Zohor dan Asar secara *jama'* dan solat-solat fardu yang diqada. (diganti) jika ada, serta ibadah sunat yang lain selama waktu Zohor masih ada.

Pesakit yang menggunakan urine beg atau stoma beg atau kolostomi beg jika mampu menyucikan tempat keluar najis dan menukar atau membersihkan beg najis tersebut, hendaklah berbuat demikian sekadar termampu.

Kemudian sucikan diri daripada hadas kecil / besar dan tunaikan solat. Solat adalah sah dan tidak perlu diulang.



PANDUAN BERSUCI DARIPADA HADAS BESAR

Cara bersuci daripada hadas besar ialah dengan mandi atau *bertayammum* bagi mengharuskan solat.

- i. Pesakit yang mampu mandi dan semua bahagian badannya boleh terkena air hendaklah mandi dengan niat mengangkat hadas besar. Jika tidak mampu mandi kerana kesulitan untuk bergerak umpamanya hendaklah *bertayammum* dengan niat mengharuskan fardhu solat dan setelah itu solat. Solat tidak perlu diulang.
- ii. Pesakit yang disahkan oleh pegawai perubatan tidak boleh terkena air pada seluruh tubuh badan atau sebahagian besarnya hendaklah *bertayammum* dengan niat mengharuskan fardhu solat dan setelah itu solat. Solat tidak perlu diulang.
- iii. Pesakit yang sebahagian besar badannya boleh terkena air sedangkan kecederaannya sedikit hendaklah mandi dan membasuh bahagian yang boleh terkena air mengikut kemampuan. Selebihnya hendaklah disapu dengan air. Setelah itu solat dan solat tidak perlu diulang.

Jika air mandian tetap akan terkena pada kecederaan sekiranya pesakit mandi, ketika itu hanya perlu *bertayammum* dengan niat mengharuskan fardhu solat dan setelah itu solat. Solat tidak perlu diulang.

PANDUAN

BERSOLAT, BERSUCI & BERPUASA

  BAGI PESAKIT 

Bab
6

BEBERAPA MASALAH BERKAITAN WANITA



Haid

- i) Haid ialah darah yang keluar daripada faraj wanita secara normal pada waktu-waktu yang tertentu bukan kerana melahirkan.
- ii) Tempoh minimum haid ialah satu hari satu malam manakala tempoh maksimumnya ialah 15 hari. Darah yang keluar setelah tempoh 15 hari adalah darah istihadhah.
- iii) Cecair berwarna kuning atau keruh yang keluar di penghujung haid jika masih dalam tempoh haid juga dikira sebagai haid.
- iv) Wanita yang sedang didatangi haid berada di dalam keadaan hadas besar. Oleh itu dilarang sama sekali melakukan solat, puasa, menyentuh mushaf al-Quran atau membacanya melainkan berdoa dengan ayat-ayat al-Quran yang dibaca dengan niat zikir.
- v) Solat yang ditinggalkan sepanjang tempoh haid tidak perlu diqada (diganti) bahkan makruh jika diqada (diganti).
- vi) Puasa Ramadhan yang ditinggalkan sepanjang tempoh haidh wajib diqada (diganti).
- vi) Solat yang ditinggalkan sepanjang tempoh nifas tidak perlu diqada (diganti) bahkan makruh jika diqada (diganti).
- vii) Puasa Ramadhan yang ditinggalkan sepanjang tempoh nifas wajib diqada (diganti).

Nifas

- i) Nifas ialah darah yang keluar daripada faraj wanita sejurus selepas bersalin iaitu setelah keluar semua anggota bayi. Darah yang keluar bersama kelahiran bukan darah nifas.

- ii) Tempoh minimum nifas ialah sedetik selepas kelahiran. Kebiasaannya 40 hari manakala tempoh maksimumnya 60 hari.
- iii) Sekiranya tidak keluar darah sejurus selepas bersalin dan keluar darah dalam tempoh 15 hari setelah bersalin, darah tersebut adalah darah nifas.
- iv) Sekiranya tidak keluar darah dalam tempoh 15 hari selepas bersalin dan keluar darah selepas tempoh tersebut, darah tersebut bukan darah nifas.
- v) Wanita yang sedang didatangi nifas adalah berhadath besar. Oleh itu dilarang sama sekali melakukan solat, puasa, menyentuh mushaf al-Quran atau membacanya melainkan berdoa dengan ayat-ayat al-Quran yang dibaca dengan niat zikir.

Istihadhah

- i) Istihadhah ialah darah yang keluar daripada kemaluan wanita selain darah *haid* dan *nifas*. Sebahagian 'ulama membezakan di antara darah *istihadhah* dari darah *fasad* (penyakit). Ia hanyalah perbezaan istilah namun hukumnya tetap sama.
- ii) Wanita yang keluar darah *istihadhah* tidak berhadath besar. Oleh itu wajib melakukan solat dan puasa serta boleh dilakukan ibadat yang lain.
- iii) Keluar darah *istihadhah* hanya menyebabkan hadas kecil. Oleh itu mesti disucikan dan kemudian berwuduk sebelum solat.
- iv) Wanita yang keluar darah *istihadhah* secara berterusan boleh memilih untuk melakukan solat fardhu pada setiap waktu atau melakukan *jama'* solat seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Darah Yang Keluar Daripada Faraj Wanita Hamil Ketika Hampir Bersalin

- i) Darah ini adalah darah *istihadhah* dan tidak menyebabkan hadas besar.
- ii) Sekiranya keluar darah setelah masuk waktu solat dan berlalu kadar masa yang mencukupi untuk bersuci dan solat tanpa sebarang keuzuran, wajib ditunaikan solat waktu tersebut. Sekiranya tidak ditunaikan di dalam waktunya wajib diqada (diganti).

Air Yang Keluar Daripada Faraj Wanita Hamil Ketika Hampir Bersalin

- i) Air yang keluar ini najis. Jika terkena pakaian tidak sah digunakan untuk solat.
- ii) Keluarnya tidak menyebabkan hadas besar. Solat masih wajib ditunaikan setelah masuk waktu.
- iii) Setelah masuk waktu solat, cari waktu yang sesuai ketika air berhenti keluar walaupun di akhir waktu, bersuci seperti biasa dan tunaikan solat.
- iv) Jika air berterusan keluar sehingga sampai habis waktu solat, bersuci seperti biasa dan gunakan lampin. Setelah itu solat dan tidak mengapa jika air terus keluar ketika solat. Solat adalah sah dan tidak perlu diulang.

Keputihan

- i) Iaitu cecair pekat berwarna putih atau kekuningan yang keluar daripada faraj wanita. Biasanya keluar ketika hampir didatangi haid.
- ii) Cecair ini najis dan keluarnya hanya menyebabkan hadas kecil. Oleh itu mesti disucikan dan kemudian berwuduk sebelum solat.
- iii) Jika seorang wanita sentiasa keluar keputihan dan menyulitkannya bersuci untuk solat, keadaannya sama seperti orang yang menghadapi penyakit

kencing atau *istihadhah* berterusan. Boleh memilih untuk menunaikan setiap solat fardhu pada waktunya atau melakukan *jama'* (himpun) solat seperti yang telah dijelaskan.

Keguguran

- i) Darah yang keluar setelah keguguran adalah darah *nifas* sama ada yang gugur itu janin atau yang sempurna sifatnya atau yang tidak sempurna sifatnya seperti ketulan daging atau gumpalan darah.
- ii) Keguguran menyebabkan seorang wanita berhadas besar sama seperti melahirkan anak.

Keluar Angin Daripada Kemaluan

- i) Keluar angin daripada dubur menyebabkan berlaku hadas kecil.
- ii) Keluar angin daripada qubul juga menyebabkan berlaku hadas kecil jika pasti ia keluar daripada saluran faraj. Sekiranya ia keluar bukan daripada saluran faraj (kerana mungkin ia keluar daripada celah kelopak-kelopak besar labia) ia tidak menyebabkan berlaku hadas kecil. (Ujian boleh dilakukan bagi mengenalpasti sama ada angin tersebut keluar daripada saluran faraj atau sebaliknya dengan meletakkan tisu di antara kelopak-kelopak ini tanpa menyumbat faraj, jika setelah itu tiada kedengaran atau dirasai angin maka boleh dikenalpasti bahawa angin yang keluar sebelum ini adalah daripada celah kelopak-kelopak tersebut, namun jika masih terus kedengaran atau dirasai, maka sah ia daripada saluran faraj).
- iii) Jika angin kerap keluar daripada saluran faraj sehingga membawa kepada kesulitan untuk beribadat atau ditakuti membawa kepada penyakit was-was, maka boleh bertaqlid kepada mazhab Hanafi dan Maliki yang berpendapat bahawa keluar angin daripada saluran faraj tidak menyebabkan berlaku *hadath* kecil.

PANDUAN

BERSOLAT, BERSUCI & BERPUASA

  BAGI PESAKIT 

Bab
7

PANDUAN SOLAT BAGI PESAKIT




CONTOH PANDUAN SOLAT

1. Solat yang dilakukan mestilah memenuhi semua rukun dan syarat sah seperti yang disebutkan.
2. Pesakit boleh memilih untuk mengikut mana-mana pandangan mazhab fiqh yang muktabar termasuklah pandangan yang lebih memudahkan terutamanya ketika kesulitan.
3. Pesakit yang mampu berdiri untuk solat fardhu hendaklah memulakan solat dalam keadaan berdiri. Jika berasa tidak mampu berdiri ketika sedang solat baru boleh duduk. Justeru itu tidak boleh memulakan solat dalam keadaan duduk bagi yang mampu berdiri. Solat sunat boleh dilakukan secara duduk walaupun bagi yang mampu berdiri, namun pahalanya hanya separuh daripada pahala solat berdiri.
4. Pesakit yang solat duduk setelah tidak mampu berdiri, jika berasa mampu setelah itu ketika masih di dalam solat, hendaklah kembali solat berdiri dan tidak boleh berterusan solat duduk.
5. Pesakit yang solat duduk dan mampu berdiri untuk ruku' seperti biasa hendaklah berdiri sebelum ruku'.
6. Pesakit yang solat duduk sama ada di atas kerusi atau seumpamanya atau di atas lantai dan mampu sujud di atas lantai tempat solat, hendaklah sujud di atas lantai tempat solat. Justeru itu tidak memadai sujud dengan hanya menundukkan badan sahaja.
7. Pesakit yang tidak mampu sujud seperti biasa di atas lantai tempat solat dan mampu solat berdiri hendaklah solat berdiri dan tidak boleh solat duduk menurut mazhab Syafie. Namun menurut Mazhab Hanafi pesakit yang tidak mampu sujud seperti biasa di atas lantai tempat solat gugur daripadanya kewajipan berdiri dan boleh melakukan solat dalam keadaan duduk.

8. Pesakit yang tidak mampu solat berdiri boleh solat duduk. Jika tidak mampu solat duduk boleh solat mengiring. Jika tidak mampu solat mengiring boleh solat menelemtang.
9. Rukun pergerakan solat yang tidak mampu dilakukan seperti biasa boleh dilakukan dengan isyarat badan seperti menundukkan badan untuk *ruku'* dan sujud. Jika tidak mampu dilakukan dengan isyarat badan boleh dilakukan dengan isyarat kepala. Jika tidak mampu dilakukan dengan isyarat kepala boleh dilakukan dengan isyarat mata. Jika tidak mampu dilakukan dengan isyarat mata boleh dilakukan solat di dalam hati.

CONTOH PANDUAN SOLAT

- i) Pesakit yang mampu solat berdiri tetapi tidak mampu *ruku'* dan sujud seperti biasa



1. Mulakan solat dalam keadaan berdiri dan baca al-Fatihah setelah bertakbiratul ihram.

Bagi yang mampu solat fardu berdiri tetapi tidak melakukannya bahkan melakukannya dalam keadaan duduk umpamanya solat tidak sah menurut mazhab Syafie kerana berdiri salah satu rukun solat bagi yang mampu.

Namun menurut mazhab Hanafi orang yang tidak mampu melakukan sujud seperti biasa gugur daripadanya kewajipan berdiri dan solat boleh dilakukan dalam keadaan duduk.



2. Kemudian *ruku'* dengan menundukkan badan sehingga dua tapak tangan boleh mencapai kedua lutut. Jika tidak mampu, lakukan ikut kemampuan.



3. Setelah *ruku'* kembali *i'tidal* dengan berdiri tegak.



4. Setelah itu duduk (sama ada di atas lantai tempat solat atau di atas kerusi atau seumpamanya) dan sujud dengan menundukkan badan serta menghampirkan dahi semampunya ke tempat sujud.




5. Setelah sujud tegakkan kembali badan untuk duduk di antara dua sujud (duduk bagi yang duduk dan berdiri bagi yang berdiri). Kemudian sujud sekali lagi seperti sujud yang pertama.

6. Setelah selesai sujud yang kedua tegakkan kembali badan dan berdiri untuk raka'at seterusnya. Begitulah dilakukan pada setiap raka'at.

7. Jika tidak mampu *ruku'* dan sujud dengan menundukkan badan hendaklah dilakukan dengan isyarat kepala. Jika tidak mampu juga hendaklah dilakukan dengan isyarat mata.

8. Lakukan *tasyahhud* dalam keadaan duduk jika mampu. Seterusnya ucapkan salam setelah selesai *tasyahhud* akhir. Sunat dipalingkan muka ke kanan ketika salam pertama dan ke kiri ketika salam kedua.

- ii) Pesakit yang mampu solat berdiri dan mampu *ruku'* tetapi tidak mampu sujud seperti biasa




1. Mulakan solat dalam keadaan berdiri dan baca al-Fatihah setelah bertakbiratul ihram.




2. Kemudian *ruku'* seperti biasa.



3. Setelah *ruku'* kembali *i'tidal* dengan berdiri tegak.




- Setelah itu duduk (sama ada di atas lantai tempat solat atau di atas kerusi atau seumpamanya) dan sujud dengan menundukkan badan serta menghampirkan dahi semampunya ke tempat sujud.



- Setelah sujud tegakkan kembali badan untuk duduk di antara dua sujud. Kemudian sujud sekali lagi seperti sujud yang pertama.



- Setelah selesai sujud yang kedua bangun untuk *raka'at* seterusnya. Begitulah dilakukan pada setiap *raka'at*.



- Lakukan tasyahhud dalam keadaan duduk. Seterusnya ucapkan salam setelah selesai tasyahhud akhir. Sunat dipalingkan muka ke kanan ketika salam pertama dan ke kiri ketika salam kedua.

Peringatan

Bagi yang mampu solat fardhu berdiri tetapi tidak melakukannya bahkan melakukannya dalam keadaan duduk umpamanya solat tidak sah menurut mazhab Syafi'e kerana berdiri salah satu rukun solat bagi yang mampu.

Namun menurut mazhab Hanafi orang yang tidak mampu melakukan sujud seperti biasa gugur daripadanya kewajipan berdiri dan solat boleh dilakukan dalam keadaan duduk.

iii) Pesakit yang tidak mampu solat berdiri dan mampu solat duduk

Cara solat :


- Mulakan solat dalam keadaan duduk jika tidak mampu berdiri. Jika masih mampu berdiri, mulakan dalam keadaan berdiri dan kemudian duduk setelah tidak mampu.

Sebaik-baiknya duduk di atas lantai tempat solat secara *iftirasy* iaitu duduk seperti duduk di antara dua sujud. Jika tidak mampu boleh duduk secara bersila atau mengikut kemampuan.


Pesakit juga boleh solat duduk di atas kerusi, katil dan seumpamanya.



Duduk secara *iftirasy*



Duduk atas birai katil dengan kaki di bawah




Duduk atas katil dengan kaki melunjur

2. Baca al-Fatihah setelah bertakbiratul ihram.



Duduk secara *iftirasy*.



Duduk atas birai katil dengan kaki di bawah.




Duduk atas katil dengan kaki melunjur.

Gambar sedang baca al-Fatihah. Duduk iftirasy, atas kerusi, atas birai katil, atas katil sambil melunjur kaki.

3. Setelah itu *ruku'* dengan menundukkan badan. Sekurang-kurangnya kedudukan dahi berada setentang melepasi paras lutut dan sebaik-baiknya kedudukan dahi berada setentang dengan tempat sujud. Jika tidak mampu lakukan semampunya.



Duduk secara *iftirasy*.




Duduk atas birai katil dengan kaki di bawah.



Duduk atas katil dengan kaki melunjur.

Gambar *ruku'* bagi yang solat duduk *iftirasy*, bersila, atas kerusi atau birai katil, atas katil sambil melunjur kaki.

4. Setelah itu *i'tidal* dengan kembali duduk menegakkan badan.



Duduk secara *iftirasy*.



Duduk atas birai katil dengan kaki di bawah.




Duduk atas katil dengan kaki melunjur.


Gambar *i'tidal* bagi yang solat duduk iftirasy, bersila, atas kerusi, atas birai katil, atas katil sambil melunjur kaki.

5. Setelah itu sujud. Pesakit hendaklah sujud di atas lantai tempat solat jika mampu berbuat demikian. Tidak memadai hanya sujud dengan menundukkan badan sahaja bagi yang mampu sujud di atas lantai tempat solat.

Jika tidak mampu sujud di atas lantai tempat solat lakukan sujud dengan menundukkan badan lebih sedikit berbanding ketika *ruku'* supaya dibezakan di antara keduanya. Jika tidak mampu, lakukan semampunya walau pun paras di antara *ruku'* dan sujud sama.



Duduk secara *iftirasy*.





Duduk atas birai katil dengan kaki di bawah.



Duduk atas katil dengan kaki melunjur.

6. Setelah itu duduk di antara dua sujud seperti biasa.
7. Setelah itu lakukan sujud sekali lagi seperti sujud yang pertama.
8. Setelah selesai sujud yang kedua kembali duduk menegakkan badan untuk *raka'at* seterusnya. Begitulah dilakukan pada setiap *raka'at*.
9. Lakukan tasyahhud dan sebaiknya duduk secara *tawarruk* ketika tasyahhud akhir jika mampu. Jika tidak, duduk seperti sedia ada.

Duduk secara *iftirasy*.

Duduk atas birai katil dengan kaki di bawah.

6. Ucapkan salam setelah selesai tasyahhud akhir. Sunat dipalingkan muka ke kanan ketika salam pertam dan ke kiri ketika salam kedua.

Duduk secara *iftirasy*.

- iv. Pesakit solat duduk di atas kerusi.



1. Berniat solat ketika melafazkan takbiratul ihram dengan mengangkat tangan.



2. Membaca Surah al-Fatihah dan surah dalam keadaan duduk dan tangan kanan diletakkan atas tangan kiri.



3. *Ruku'* dengan menundukkan kepala sehingga dahinya selari hadapan lututnya atau sekadar yang termampu.



4. *I'tidal* dengan mengangkat kepala sambil mengangkat tangan seperti *Takbiratul ihram* dan meluruskan badan dan tangan ke bawah.



5. Sujud dengan menundukkan kepala dan badan. Seboleh-bolehnya dahi di hadapan paras lutut sekiranya mampu. Perbuatan sujud dan *ruku'* hendaklah ada perbezaan, iaitu sujud rendah sedikit dari *ruku'*.



6. Duduk di antara dua sujud dengan meletakkan tangan di atas paha.



7. Membaca tahiyat dalam keadaan meletakkan tangan di atas paha.




8. Melafazkan salam dengan berpaling muka ke kanan dan kiri.


v. Pesakit yang mampu solat mengiring.



1. Mulakan solat dengan *takbiratul ihram* dalam keadaan mengiring di atas rusuk kanan atau kiri mengikut keselesaan pesakit dengan menghadapkan muka dan dada ke arah kiblat.
2. Baca al-Fatihah selepas bertakbiratul *ihram*.




3. Setelah itu ruku' dengan menundukkan kepala sedikit.




4. Setelah itu i'tidal dengan mengangkat kembali kepala.



5. Setelah itu sujud dengan menundukkan kepala lebih sedikit berbanding ketika ruku' jika mampu. Jika tidak, lakukan semampunya.



6. Setelah itu duduk di antara dua sujud dengan kembali mengangkat kepala.



7. Setelah itu sujud sekali lagi seperti sujud yang pertama.



8. Setelah selesai sujud angkat kembali kepala untuk raka'at seterusnya. Begitulah dilakukan pada setiap raka'at.




9. Baca tasyahhud dalam keadaan mengiring seperti asal. Setelah itu ucapkan salam.

10. Jika pesakit tidak mampu melakukan rukun-rukun perbuatan dengan isyarat kepala, boleh dilakukan dengan isyarat mata, jika tidak mampu dengan isyarat mata, lakukan solat di dalam hati.

vi. Pesakit yang hanya mampu solat melintang.

1. Mulakan solat dengan *takbiratul ihram* dalam keadaan menelembang dengan kedua kaki menghadap qiblat dan kepala diangkat sedikit supaya muka dapat menghadap kiblat.



2. Lakukan pergerakan solat dengan isyarat kepala, jika tidak mampu lakukan dengan isyarat mata dan akhirnya jika tidak mampu juga lakukan solat di dalam hati.



Isyarat mata *takbiratul ihram*



Isyarat mata *ruku'*



Isyarat mata *sujud*

JAMA' (MENGHIMPUNKAN) SOLAT

1. Pesakit yang menanggung kesakitan yang agak berat dan menghadapi kesulitan untuk solat setiap solat fardhu pada waktunya diharuskan untuk menjama'kan (menghimpunkan) solat Zohor dan Asar begitu juga solat Maghrib dan Isyak dalam satu waktu.
2. Pesakit boleh memilih mengikut keselesaan untuk menghimpunkan solat Zohor dan Asar di dalam waktu Zohor (*Jama' Taqdim*) atau menghimpunkan keduanya di dalam waktu Asar (*Jama' Ta'khir*). Begitu juga boleh memilih untuk menghimpunkan solat Maghrib dari Isyak di dalam waktu Maghrib (*Jama' Taqdim*) atau menghimpunkan keduanya di dalam waktu Isyak (*Jama' Ta'khir*).
3. Setiap solat ini hendaklah dilakukan sebanyak 4 raka'at seperti asalnya dan tidak boleh diqasarkan (diringkaskan) menjadi 2 raka'at.
4. Solat Subuh hendaklah dilakukan di dalam waktunya dan tidak boleh dijama'kan (dihimpunkan) dengan solat-solat lain.

5. Jika ingin dilakukan solat di dalam waktu yang pertama umpamanya waktu Zohor, hendaklah dilakukan secara tertib iaitu didahulukan solat yang pertama umpamanya solat Zohor kemudian baru dilakukan solat yang kedua iaitu solat Asar.
6. Jika ingin dilakukan di dalam waktu yang kedua umpamanya waktu Asar, tidak disyaratkan tertib di antara keduanya tetapi sunat didahulukan yang pertama. Boleh dilakukan solat Asar terlebih dahulu atau solat Zohor terlebih dahulu tetapi sunat didahulukan Zohor.
7. Bagi pesakit yang bersuci secara bertayammum pastikan masuk waktu solat sebelum bertayammum. Satu tayammum hanya boleh digunakan untuk satu fardhu solat sahaja. Pesakit mesti bertayammum sekali lagi untuk solat fardhu yang kedua menurut mazhab Syafie.

Cara menghimpunkan solat di dalam waktu yang pertama (*Jama' Taqdim*)

1. Lakukan solat yang pertama (Zohor atau Maghrib) dan niat untuk menghimpunkan sekali solat yang kedua (Asar) atau niat untuk menghimpunkan ini sebaik-baiknya dilakukan ketika takbiratul ihram namun, boleh juga dilakukan ketika sedang solat yang pertama walau pun ketika memberi salam.

Contoh niat ketika *takbiratul ihram* :

Sahaja aku solat fardu Zohor 4 raka'at dengan menghimpunkan solat fardu Asar kerana Allah Ta'ala.

Jika tidak diniatkan himpun *jama'* ketika *takbiratul ihram* seperti :

Sahaja aku solat fardhu Zohor 4 raka'at kerana Allah Ta'ala,
hendaklah niat di dalam hati untuk melakukannya sebelum selesai solat.

Jika tidak diniatkan himpun (*jama'*) di dalam solat yang pertama, solat yang kedua hendaklah dilakukan di dalam waktunya.

2. Setelah selesai solat yang pertama hendaklah terus dilakukan solat yang kedua tanpa diselangi waktu yang panjang iaitu anggaran masa dilakukan 2 *raka'at* solat yang ringkas.

Sekiranya diselangi di antara keduanya waktu yang lama walau pun dengan keuzuran seperti terlupa, pengsan atau seumpamanya pesakit tidak boleh meneruskan *jama'* dan solat yang kedua hendaklah dilakukan di dalam waktunya.

3. Pesakit tidak perlu niat *jama'* (himpun) pada solat yang kedua dan boleh niat solat seperti biasa.

Contohnya :

Sahaja aku solat fardhu Asar 4 raka'at kerana Allah Ta'ala.

Cara menghimpunkan solat di dalam waktu yang kedua (*Jama' Ta'akhir*)

1. Pesakit hendaklah berniat di dalam waktu yang pertama sebelum habis waktu untuk menghimpun solat waktu pertama ke dalam waktu yang kedua.

Contohnya niat menghimpunkan solat Zohor ke dalam waktu Asar. Niat tersebut hendaklah dilakukan di dalam waktu Zohor.

2. Pesakit boleh memilih untuk mendahulukan solat waktu pertama atau solat waktu kedua tetapi sunat didahulukan solat waktu pertama bagi meraikan tertib.
3. Tidak disyaratkan melakukan kedua-dua solat secara berturut-turut dan tidak disyaratkan juga untuk niat *jama'* (himpun) di dalam solat yang pertama. Hanya sunat dilakukan berturut-turut dan sunat niat *jama'* (himpun) di dalam solat yang pertama. Jika tidak dilakukan, solat tetap sah.

PANDUAN

BERSOLAT, BERSUCI & BERPUASA

  BAGI PESAKIT 

Bab
8

PANDUAN BERPUASA BAGI PESAKIT



PENDAHULUAN

Puasa adalah rukun ketiga daripada rukun Islam. Malah ia telah disyariatkan menerusi Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لِمَلِكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَن تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ. وَأَن تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

Maksudnya :

“ Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa. (Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu ; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka) kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain ,’ dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin . Maka sesiapa dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya ; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahuinya.”

(al-Baqarah :183-184)

Ayat ini jelas menunjukkan Allah SWT telah mewajibkan orang Islam berpuasa kecuali beberapa golongan sahaja yang harus, meninggalkan puasa seperti orang sakit, musafir dan orang tua yang tidak berupaya mengerjakannya.

PENGERTIAN PUASA

Puasa bermaksud menahan diri bermula dari terbit fajar sadiq sehinggalah terbenam matahari daripada makan, minum serta melakukan sesuatu yang boleh membatalkannya.

RUKUN PUASA

Rukun puasa ialah :

- i. Orang yang berpuasa
- ii. Berniat puasa.
Contoh niat berpuasa, “Aku berpuasa esok hari bagi menunaikan fardu Ramadan tahun ini kerana Allah Ta’ala”. Menurut Mazhab Shafie sebaik-baiknya berniat ialah pada setiap malam dalam bulan Ramadan. Manakala menurut Imam Malik boleh berniat puasa sebulan bulan Ramadan bagi tahun itu. Contoh niatnya ialah “Aku berpuasa sebulan bulan Ramadan tahun ini fardu atasku kerana Allah Ta’ala”.
- iii. Menahan diri daripada makan minum dan daripada melakukan sesuatu perkara yang membatalkan puasa mulai daripada terbit fajar sadiq (masuk waktu subuh) sehingga terbenam matahari (masuk waktu maghrib).

SYARAT WAJIB PUASA

Syarat wajib puasa ialah :

- i. Beragama Islam.
- ii. Baligh atau sampai umur
- iii. Sempurna akal
- iv. Berkemampuan melaksanakannya

SYARAT SAH PUASA

Syarat sah puasa ialah :

- i. Beragama Islam
- ii. Mumayyiz (boleh membezakan perkara baik dan buruk)
- iii. Suci daripada hadas dan nifas
- iv. Berniat untuk melaksanakan puasa
- v. Puasa pada hari-hari yang tidak diharamkan berpuasa

Hari-hari yang diharamkan berpuasa ialah :

- i. Hari Raya Puasa
- ii. Hari Raya Haji dan pada 11 , 12 dan 13 haribulan Zulhijah (hari-hari Tasyrik)
- iii. Hari Syak iaitu hari yang ke-30 bulan Syaaban. Ini adalah kerana apabila anak bulan tidak kelihatan, orang ramai meragui hari itu sama ada dalam bulan Syaaban atau Ramadan. Justeru dilarang berpuasa sunat pada hari tersebut.

PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

Perkara-perkara yang membatalkan puasa ialah :

- i. Makan, minum atau merokok walaupun sedikit dengan sengaja.
- ii. Muntah dengan sengaja.
- iii. Bersetubuh di siang hari.
- iv. Keluar mani dengan sengaja.
- v. Keluar darah haid atau nifas walaupun sedikit.
- vi. Gila atau hilang akal walaupun seketika sahaja (satu lahzah).
- vii. Pitam atau koma (tidak sedarkan diri) sepanjang hari bermula daripada terbit fajar (waktu subuh) sehingga terbenam matahari (waktu maghrib).

HARUS BERBUKA PUASA

Orang yang diharuskan berbuka puasa adalah seperti berikut :

- i. **Orang sakit**
Orang sakit sekiranya ia berpuasa juga akan menambahkan kesakitannya atau melambatkan sembuh penyakitnya, boleh meninggalkan puasa tetapi wajib mengqadaknya (ganti) setelah ia sihat.
- ii. **Orang musafir**
Orang musafir dengan tujuan yang diharuskan oleh syarak harus berbuka puasa dengan syarat perjalanannya itu melebihi dua marhalah (kira-kira 89 kilometer). Puasa yang ditinggalkan itu wajib qada'.
- iii. **Hilang keupayaan untuk berpuasa**
Orang tua yang uzur, orang yang lemah kerana penyakit yang tidak ada harapan untuk sembuh atau kerana semula jadinya lemah diharuskan berbuka atau tidak berpuasa langsung. Bagi hari-hari yang ditinggalkan itu wajib dibayar fidyah dengan makanan asasi satu hari satu cupak diberi kepada fakir atau miskin. Golongan orang yang sedemikian tidak wajib mengqadakan puasa yang ditinggalkan tetapi hanya memadai dengan membayar fidyah sahaja.
- iv. **Perempuan hamil**
Perempuan yang sedang hamil dan bimbang jika ia berpuasa akan membahayakan dirinya, diharuskan berbuka tetapi wajib mengqada puasa yang ditinggalkan. Sekiranya ia bimbang akan membahayakan kandungannya, harus baginya berbuka puasa tetapi wajib qada serta membayar fidyah bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan.
- v. **Ibu yang menyusukan anak**
Ibu yang menyusukan anak harus berbuka puasa kalau ia bimbang dengan berpuasa akan memudaratkan dirinya dan wajib qada bagi puasa yang ditinggalkan. Jikalau ia berbuka puasa kerana bimbang memudaratkan bayi yang disusui seperti kurang air susu atau menjejaskan kesihatan bayinya itu, maka wajib qada puasa yang ditinggalkannya berserta membayar fidyah bagi setiap hari puasa yang ia tinggalkan.

PUASA BAGI PESAKIT

Syarak mengharuskan pesakit-pesakit meninggalkan puasa sekiranya ia tidak mampu melakukannya. Ia wajib menggantikannya (qada) berdasarkan firman Allah SWT ;

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَتْ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ
أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ، وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

Maksudnya :

“(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka) kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui”.

(al-Baqarah :184)

Sekiranya seseorang pesakit menderita kesakitan dia perlu mendapat nasihat doktor pakar beragama Islam untuk menentukan sama ada boleh berpuasa ataupun sebaliknya. Pesakit yang tiada harapan untuk sembuh, wajib membayar fidyah iaitu memberi makan kepada orang miskin mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

Dr. Wahbah al-Zuhaily memberikan pengertian ‘sakit’ yang membolehkan berbuka ialah sakit yang mendatangkan kesukaran yang amat sangat. Berkemungkinan sekiranya pesakit itu meneruskan puasanya maka akan mengakibatkan suatu yang buruk terjadi, dibimbangi akan bertambah sakit atau lambat sembuh.

PENGUNAAN UBAT DAN ALAT-ALAT PERUBATAN KETIKA BERPUASA

Bagi pesakit yang menggunakan ubat dan alat-alat perubatan ke atas anggota badan yang berongga seperti mulut, lubang hidung, telinga, dubur (Suppository) dan faraj (Pessary) huraian masalah berkaitan adalah seperti berikut :

1. Perkara-perkara yang berkaitan dengan rawatan perubatan yang tidak membatalkan puasa ialah :

- i. Menggunakan ubat titis mata, titis telinga dan cucian telinga (dengan syarat tidak sampai batas gegendang telinga).
- ii. Pil tablet nitroglycerin (GTN) atau ubat yang menyamainya yang diambil secara meletakkannya di bawah lidah tanpa ditelan bagi merawat kesakitan dada (*angina pectoris*) bagi pesakit jantung.
- iii. Melakukan prosedur tampalan gigi, cabutan, pembersihan gigi atau memberus gigi dengan syarat individu yang berpuasa tidak menelan apa-apa bahan semasa prosedur rawatan tersebut.
- iv. Semua bentuk suntikan sama ada melalui lapisan kulit, otot, sendi, atau salur darah.
- v. Pendermaan atau pemindahan darah.
- vi. Penggunaan ubat-ubatan dalam bentuk sapuan, balutan dan plaster pada permukaan kulit.
- vii. Pengambilan sampel darah untuk ujian makmal.
- viii. Memasukkan tiub kecil (*catheter*) melalui salur darah untuk tujuan pemeriksaan seperti prosedur *angiogram* untuk pemeriksaan jantung.
- ix. Pemeriksaan *laparoscop*, iaitu pemeriksaan dalaman dengan menggunakan alat yang dimasukkan melalui dinding abdomen untuk pemeriksaan bahagian dalaman pesakit.

- x. Berkumur-kumur termasuk berkumur-kumur secara *gargle* (sehingga air hampir ke tekak), dan ubat teraputik semburan ke mulut yang tidak melibatkan proses menelan.
- xi. Menjalani *biopsy* iaitu pengambilan spesimen atau cebisan yang diambil daripada hati atau organ-organ lain untuk tujuan analisa makmal.
- xii. Penggunaan ubat semburan (*spray*) hidung tanpa disedut.
- xiii. Rawatan dialisis untuk masalah pesakit buah pinggang sama ada *hemodialisis* atau *peritonealdialisis*.
- xiv. Menjalani rawatan bius setempat atau separuh (*local*) dengan semburan atau suntikan setempat, dan
- xv. Penggunaan ubat buasir dengan memasukkan semula kawasan buasir pada tempatnya tanpa melibatkan kawasan rongga yang dalam.

2. Perkara-perkara berkaitan dengan rawatan perubatan yang membatalkan puasa :

- i. Penggunaan alat sedutan (*inhaler*) untuk rawatan lelah (*athma*) atau penyakit paru-paru kronik.
- ii. Memasukkan sebarang tiub kecil (*pessary*) atau ubat ke dalam faraj (*vaginal suppository*) termasuk prosedur cucian (*wash*), pemeriksaan dalaman vaginal (*vaginoscope*), atau pegawai perubatan memasukkan jari untuk melakukan pemeriksaan dalaman vagina wanita.
- iii. Memasukkan sebarang tiub catheter, alat pemeriksaan dalam saluran kencing (*urethroscope*), barium atau ubat pencuci yang dimasukkan sama ada ke dalam saluran kencing bagi lelaki atau wanita (contohnya memasukkan '*urinary catheter* untuk rawatan sumbatan salur kencing).

- tv. Penggunaan alat seperti *enema*, tiub *suppository*, teropong *protoscope* atau jari pegawai perubatan yang dimasukkan ke dalam dubur atau *rectum* untuk pemeriksaan.
- v. Penggunaan teropong usus (*endoscope*) atau teropong perut (*gastroscope*) untuk tujuan pemeriksaan sistem penghadaman, dan
- vi. Penggunaan bius menyeluruh yang melibatkan penggunaan gas.

HUKUM MENINGGALKAN ATAU MEMBATALKAN PUASA

Bagi seseorang yang meninggalkan atau membatalkan puasa dengan sengaja atau kerana sesuatu perkara yang diharuskan oleh syarak maka wajib dia menggantikan (qada) puasanya seperti berikut :

- i. Qada sahaja, atau
- ii. Qada berserta dengan fidyah, atau
- iii. Fidyah sahaja, atau
- iv. Qada berserta dengan kafarah.

PENGERTIAN QADA, FIDYAH DAN KAFARAH PUASA RAMADAN

- i. Qada puasa ialah menggantikan puasa wajib (Ramadan) yang ditinggalkan.
- ii. Fidyah puasa ialah mengeluarkan secupak makanan bersamaan 675 gram atau yang senilai dengannya untuk sehari puasa yang ditinggalkan.
- iii. Kaffarah puasa ialah denda yang dikenakan kepada orang lelaki yang bersetubuh pada siang hari.

QADA PUASA BAGI YANG MENINGGALKANNYA KERANA SAKIT

Hukum orang yang mati dan belum sempat mengqadakan puasanya terdapat dua keadaan :

1. Keadaan Pertama :

Sekiranya seseorang itu mati dan tidak sempat mengqada puasanya kerana uzur yang berterusan dan tiada ruang yang memungkinkan dia mengqada puasa seperti sakit, musafir, pengsan, nifas, hamil atau menyusukan anak dan uzur tersebut berterusan hingga ia mati maka tidak wajib ke atas warisnya mengqadakan puasa dan membayar fidyah untuknya.

2. Keadaan Kedua :

Si mati berkemungkinan boleh mengqada puasa yang ditinggalkan dan ada ruang untuknya berbuat demikian tetapi dia tidak melakukan dengan sengaja sehinggalah ia mati, maka ada dua pendapat :

- i. *Qaul Jadid Imam Syafie* : Wajib dikeluarkan daripada harta peninggalannya, secukup makanan rasmi (makanan asasi) untuk setiap hari yang ditinggalkan dan walinya tidak sah mengqada puasa si mati.
- ii. *Qaul Qadim Imam Syafie* : Walinya boleh mengqadakan puasa bagi si mati, tetapi bukanlah wajib hukumnya, dan wali boleh memilih sama ada mengqadakannya atau membayarkan fidyah.

Pendapat kedua ini adalah paling sahih di sisi Imam Nawawi dan ulama-ulama dalam Mazhab Syafie yang mengkaji pendapat Imam Syafie. Ini kerana terdapat banyak hadis sahih berhubung masalah ini. Antaranya Rasulullah s.a.w bersabda :

مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صِيَامٌ، صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ.

Maksudnya :

‘Sesiapa yang mati dan ke atasnya puasa (yang belum ia qadakan) maka hendaklah walinya berpuasa untuknya ‘

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Mereka yang mengqadakan puasa si mati boleh terdiri dari kalangan keluarga si mati walaupun bukan warts yang berhak mewarisi hartanya.

Sah qada puasanya yang dilakukan oleh ajnabi (sahabat, jiran dan sebagainya) dengan izin wali (waris) si mati, sama ada di beri upah atau tidak iaitu sama seperti ibadat Haji. Tidak sah jika tidak mendapat keizinan terlebih dahulu dari wali (waris) si mati atau wasiat si mati.

Pendapat yang jelas di sisi Imam Nawawi ialah sah puasa yang dilakukan oleh 30 orang bagi menggantikan 30 hari yang ditinggalkan oleh si mati di mana qada tersebut dilakukan pada hari yang sama.

QADA PUASA BERSERTA FIDYAH

Golongan yang diwajibkan qada puasa Ramadan berserta dengan bayaran fidyah adalah seperti berikut :

- i. Orang yang melengah-lengahkan qada puasa Ramadhan sehingga masuk bulan Ramadhan tahun berikutnya.
- ii. Perempuan hamil yang berbuka puasa kerana dibimbangi memudaratkan bayi dalam kandungannya
- iii. Ibu yang menyusukan anak berbuka puasa kerana dibimbangi kekurangan susu untuk anaknya. Begitulah juga hukumnya bagi ibu yang mengambil upah menyusukan bayi.

FIDYAH PUASA

Fidyah puasa bererti denda yang dikenakan ke atas seseorang yang meninggalkan puasa Ramadan dengan sebab-sebab seperti berikut :

- i. Sakit yang tiada harapan sembuh yang telah disahkan oleh pegawai perubatan, tidak wajib qada tetapi wajib membayar fidyah sahaja.
- ii. Orang tua yang tidak berkemampuan lagi untuk berpuasa Ramadan wajib membayar fidyah sahaja.

QADA PUASA BESERTA KAFARAH FIDYAH PUASA

Bagi orang lelaki yang melakukan persetubuhan pada siang hari bulan Ramadan, wajib qada serta membayar kafarah puasa. Walau bagaimanapun bagi perempuan yang disetubuhi tidak dikenakan kafarah tetapi puasanya terbatal dan wajib diqada. Kafarah yang dimaksudkan adalah mengikut tertib seperti berikut :

- i. Memerdekakan seorang hamba beragama Islam yang sempurna sifat tubuh badannya.
- ii. Sekiranya tidak mampu, hendaklah berpuasa dua bulan berturut-turut. Sekiranya terbatal satu hari, wajib dimulai dengan puasa yang baharu.
- iii. Jika tidak berupaya juga maka hendaklah memberi makan secupak seorang kepada fakir miskin seramai 60 orang.

PANDUAN NASIHAT DAN DOA

1. Islam menggalakkan umatnya berusaha mencari ubat apabila ditimpa penyakit.
2. Semua orang wajib yakin bahawa ketentuan sihat dan sakit itu adalah ditentukan oleh Allah SWT. Rasulullah s.a.w bersabda maksudnya :

"إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً، فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ."

Maksudnya :

‘Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit dan ubat dan Dia menjadikan setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka berubatlah tetapi janganlah kamu berubat dengan benda yang haram’.

(Riwayat Abu Daud)

3. Pesakit-pesakit hendaklah berehat untuk mengembalikan kekuatan emosi, fizikal dan mental.
4. Perbanyakkan mengingati Allah SWT, semoga Dia memberikan pertolongan ketika kita dalam keadaan sihat dan lebih-lebih lagi semasa sakit. Allah SWT berfirman maksudnya :

فَادْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Maksudnya :

‘Ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan ...’

(al-Baqarah :152)

5. Allah SWT memberi keringanan kepada pesakit dengan berbuka puasa demi untuk memelihara kesihatan mereka.
6. Allah SWT mengharuskan bertayammum bagi pesakit-pesakit yang tidak boleh menggunakan air, bertujuan untuk mengelakkan kemudaratan kepada pesakit.
7. Penyakit boleh dikawal dengan berubat di samping menjaga makan minum, contohnya kepanasan demam boleh dikurangkan dengan memperbanyakkan minum air. Sabda Rasulullah SAW bermaksudnya :

عَنْ عَائِشَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْخُمَى مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ فَأَبْرِدُوهَا بِالْمَاءِ.

Maksudnya :

Daripada Aisyah r.a..., daripada Nabi SAW bersabda Demam adalah daripada bahang api neraka jahannam. Oleh itu sejujukkanlah ia dengan air’.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

8. Penyembuh yang sebenarnya ialah Allah SWT. Oleh itu pesakit-pesakit hendaklah berusaha dan berikhtiar dengan berubat di samping memperbanyakkan berdoa kepada Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud :

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya :

‘Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu’.

(al-Mukmin: 60)

9. Kita mestilah memahami bahawa kesabaran menghadapi ujian adalah penting di samping berkawakkal, kerana kesabaran itu akan menghapuskan (mengkaffarakan) dosa. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ وَأَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُمَا سَمِعَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَا يُصِيبُ الْمُؤْمِنَ مِنْ وَصْبٍ وَلَا نَصَبٍ وَلَا سَقَمٍ وَلَا حَزَنٍ حَتَّىٰ يَهْمَهُ إِلَّا كُفِّرَ بِهِ مِنْ سَيِّئَاتِهِ.

Maksudnya :

‘Daripada Abu Said dan Abu Hurairah r.a..., sesungguhnya mereka mendengar Rasulullah SAW bersabda .’ Tidaklah seorang Muslim ditimpa oleh keletihan, kerisauan, kedukacitaan, penyakit atau permasalahan walaupun kesakitan berupa duri (yang mencucuknya), melainkan ini merupakan penebus kepada dosanya’.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

10. Pesakit hendaklah berharap sepenuhnya kepada Allah SWT kerana Dia sahajalah yang boleh menyembuhkan penyakit dan memberikan segala pertolongan.

11. Di antara amalan baik yang diamalkan ketika sakit ialah dengan memperbanyakkan zikir di antaranya dengan menyebut tasbih, tahmid dan takbir. Berzikir boleh menenangkan jiwa d! samping meringankan beban kesakitan. Firman Allah SWT yang bermaksud :

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya :

‘Ketahuilah! Dengan berzikir kepada Allah itu, tenang tenteramlah hati manusia’.

(al-Ra’d: 28)

12. Pesakit yang berkemampuan membaca ayat-ayat suci Al-Quran dinasihatkan berbuat demikian sebagai penawar bagi penyakitnya. Firman Allah SWT yang bermaksud :

وَنُنزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ...

Maksudnya :

‘Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang berrman kepadanya’.

(al-Israa’: 82)

13. Penyakit-penyakit hati terjelma dalam bentuk kecenderungan untuk mengikut hawa nafsu dan melakukan maksiat kepada Allah SWT seperti berzina, berjudi, meminum arak, hasad dengki, tamak haloba, panjang angan-angan, menghisap dadah dan lain-lain.

14. Kesan penyakit hati akan membawa kepada penyakit otak dan jiwa yang dikenali sebagai kegilaan (*maniac*), penyakit tekanan jiwa (*depression*), dan lain-lain lagi.

15. Pakar-pakar perubatan moden telah menemui banyak penyakit boleh dicegah dengan menjaga kebersihan. Maka disarankan agar umat Islam sentiasa menjaga kebersihan sesuai dengan ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa kebersihan itu dituntut.

وَتِيَابَكَ فَطَهِّرْ

Maksudnya :

Dan pakaianmu hendaklah kamu bersihkan.”

(al-Muddathir: 4)

16. Umat Islam digalakkan supaya sentiasa membersihkan diri seperti beristinja', berkumur-kumur, menggosok gigi, memasukkan air ke dalam hidung (*istinsyak*), memotong kuku, membersihkan jari-jemari, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu kemaluan, mengandam misai, berkhatan dan lain-lain lagi yang boleh mencegah daripada merebaknya pelbagai jenis penyakit.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْفِطْرَةُ خَمْسٌ أَوْ خَمْسٌ مِنَ الْفِطْرَةِ؛ الْخِتَانُ وَالِاسْتِحْذَادُ وَتَنْفِ الْأَبْطِ وَتَقْلِيمِ الْأظْفَارِ وَقَصِّ الشَّارِبِ.

Maksudnya :

Daripada Abu Hurarrah RA katanya : Lima perkara yang menjadi fitrah manusia atau lima perkara fitrah iaitu berkhatan, memotong bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan memendekkan misai.”

(Riwayat Bukhari)

17. Para pesakit dinasihatkan agar memberi maklumat yang tepat dan jelas kepada doktor semoga penyakitnya dapat dikenalpasti dengan mudah.
18. Pesakit dinasihatkan supaya mengambil ubat mengikut arahan doktor agar penyakitnya cepat sembuh.

19. Pesakit-pesakit kronik yang memerlukan rawatan ubat secara berterusan boleh menyesuaikan waktu pengambilan ubat daripada siang kepada waktu malam supaya puasa dapat dilaksanakan.
20. Pengambilan ubat secara berlebihan boleh membahayakan kesihatan dan menambahkan beban pesakit.
21. Pesakit dinasihatkan supaya memberitahu doktor jenis ubat yang sedang atau yang telah digunakan sebelum ubat baru diperolehi.
22. Pesakit dinasihatkan tidak berkongsi ubat dengan pesakit lain walaupun jenis penyakit yang sama. Tanda-tanda yang sama bagi kebanyakan penyakit memerlukan kepada rawatan yang berlainan.
23. Pesakit akan selamat dan segera sembuh sekiranya kaedah penggunaan ubat dengan cara yang betul dan nasihat doktor tidak diabaikan.
24. Pesakit hendaklah sentiasa ingat dan berdoa kepada Allah SWT sebagaimana Rasulullah SAW sedang gering, Baginda memasukkan dua tangannya di dalam bekas air kemudian menyapu mukanya dengan kedua-dua belah tangannya yang mulia dan membaca doa :

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَسَكَرَاتِ الْمَوْتِ.

Maksudnya :

“Ya Allah tolonglah aku dalam menghadapi mati dan menempuh Sakaratul Maut”.

(Riwayat al-Tirmizi)

25. Doa ketika merasa takut atau terkejut.

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ غَضَبِهِ وَعِقَابِهِ وَشَرِّ عِبَادِهِ
وَمِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَحْضُرُونَ.

Maksudnya :

“Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari kemarahan-Nya, seksa-Nya, kejahatan hamba-hamba-Nya, bisikan-bisikan syaitan dan dari kehadiran mereka itu”.

(Riwayat Abu Daud)

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ
عَيْنٍ لَامَّةٍ.

Maksudnya :

‘Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala syaitan dan dari segala binatang yang berbisa dan dari segala mata yang menimpakan keburukan kerana melihatnya”.

(Riwayat al-Bukhari)

26. Bacaan ketika memulakan makan atau minum :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

27. Seandainya terlupa membaca Bismillah pada permulaan makan, minum ataupun amalan yang baik boleh dibaca ketika teringat.

بِسْمِ اللَّهِ أَوْلَهُ وَآخِرَهُ.

Maksudnya :

‘Dengan nama Allah pada awal dan pengakhirannya”.

28. Doa ketika makanan dihidangkan.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيْمَا رَزَقْتَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Maksudnya :

Ya Allah! Berkatilah ke atas kami apa yang telah Engkau rezekikan kepada kami dan peliharalah kami dari azab neraka.”

29. Doa selepas berbuka puasa.

اللَّهُمَّ لَكَ صُومْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ.

Maksudnya :

‘Ya Allah kerana Engkau aku telah berpuasa dan dengan rezeki Engkau aku telah berbuka”.

30. Doa selesai makan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَجَعَلَنَا مُسْلِمِينَ.

Maksudnya :

‘Segala puji kepunyaan Allah yang telah memberi makan dan minum kepada kami dan telah menjadikan kami orang Islam.”

31. Doa ketika hendak masuk tandas.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ.

Maksudnya :

“Ya Allah! Aku berlindung diri dengan Engkau dari gangguan syaitan jantan dan dari gangguan syaitan betina.”

32. Doa ketika keluar tandas.

غُفْرَانَكَ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَعَافَانِي.

Maksudnya :

‘Aku memohon keampunanMu, segala puji bagi Allah yang menghilangkan daripadaku bencana dan telah meng’afiatkan daku.’

33. Doa ketika hendak tidur.

بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أَحْيَا وَأَمُوتُ.

Maksudnya :

‘Dengan nama Engkau ya Allah aku hidup dan mati.’

34. Doa ketika bangun dari tidur.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَمَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ.

Maksudnya :

‘Segala pujian kepunyaan Allah yang telah menghidupkan kami selepas mematikan kami dan kepada-Nya kami dibangkitkan kelak’.

35. Doa ketika sukar untuk tidur.

اللَّهُمَّ غَارَبَ النَّجُومُ وَهَدَّاتِ الْعَيْنُونَ وَأَنْتَ حَيٌّ قَيُّومٌ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ أَهْدِيْ لَيْلِيْ وَأِنِّمْ عَيْنِيْ.

Maksudnya :

‘Ya Allah telah terbenam bintang-bintang dan telah tidur segala mata. Engkau Tuhan yang hidup dan tetap menguruskan segala urusan dengan sendirinya, tidak mengantuk dan tidak tidur. Tenangkanlah malamku dan tidurkanlah mataku.’

36. Pesakit digalakkan supaya membaca doa sendiri dengan meletakkan tangannya di tempat sakit dan seterusnya membaca :

بِسْمِ اللَّهِ (3 kali)
أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ (7 kali)

Maksudnya :

Dengan nama Allah aku berindung dengan kebesaran Allah dan kekuasaan-Nya dari kejahatan apa yang aku rasai dan aku bimbangi.’

(Riwayat Muslim)

37. Doa untuk menjauhkan anak-anak kecil dari gangguan syaitan.

أَعِيذُكَ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ
وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَّامَّةٍ.

Maksudnya :

Aku mohon engkau dilindungi dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala syaitan dan binatang-binatang merbahaya dan dari segala mata yang menimpakan keburukan kerana melihatnya’.

38. Pesakit dinasihatkan banyak membaca zikir ini.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

Maksudnya :

‘Tiada tuhan selain dari Allah dan Allah Maha Besar. Tiada tuhan selain dari Allah, Yang Esa tiada sekutu bagi-Nya. Tiada tuhan selain dari Allah, tidak ada daya upaya dan tidak ada tenaga kekuatan melainkan dengan Allah.’

39. Pesakit dinasihatkan membaca Selawat Syifa' :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ
وَدَوَائِهَا، وَعَافِيَةِ الْأُنْدَانِ وَشَفَائِيهَا، وَنُورِ الْأَبْصَارِ
وَضِيَائِهَا، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ.

Maksudnya :

"Ya Allah ya Tuhan kami, limpahkanlah rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW yang dengannya dapat mengubati hati (yang kusut) dan menjadi penawar, menyihatkan badan (dari segala penyakit) yang menyembuhkannya, menjadi cahaya bagi pemandangan (mata) dan menyinarkannya dan limpahkanlah rahmat dan kesejahteraan kepada keluarga dan sahabat-sahabat baginda sekalian."

PENUTUP

Kewajipan berpuasa berbeza dengan kewajipan solat di mana kewajipan solat tidak boleh ditinggalkan walaupun dalam keadaan sakit. Manakala puasa boleh ditinggalkan bagi mereka yang sakit atau uzur syarie dan wajib menggantikannya pada hari-hari yang lain di luar bulan Ramadan. Rukhsah atau keringanan ini adalah satu keistimewaan yang diberikan oleh syarak kepada umat Islam. Semoga risalah ini dapat memberi panduan dan manfaat kepada umat Islam khususnya pesakit-pesakit dalam melaksanakan ibadah puasa.

RUJUKAN

1. Al-Quran Al-Karim
2. Abdullah Basmeih, 2002, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran.
3. Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, 1999, Al-Jami' al-Sahih, Al-Riyadh : Dar al-Salam.
4. Al-Bakri, Uthman bin Muhammad Syatta, 2006, I'anah al-Tolibin, Jilid 1 , Damsyik : Dar al-Faiha' .
5. Al-Jardani, Muhammod Abdullah, 1988, Fath al-'Allam Bi Syarh Mursyid al-Anam, Jilid 1 dan 2, Mesir : Dar as-Salam.
6. Al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf, Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab, 2001 , Jilid 2 dan 4, Beirut : Dar Ihya al-Turath al-'Arabiyyah.
7. Al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf, 2003, Raudhah al-Tolibin, Jilid 1 , Beirut : Dar :Alam al-Kutub.
8. Al-Syirbini, Muhammad bin al-Khatib, 1995, Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz al-Minhaj, Jilid I , Beirut : Dar al-Fikr.
9. Al-Qari, Munla 'Ali bin Sultan Muhammad, Fath Bab al-'Inayah Bi Syarh al-Nuqayah, Jilid 1 , Beirut : Dar al-Arqam.
10. Ibn Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim, Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqaiq, Jilid 1 , t.t.
11. Ibn 'Abidin, Muhammad Amin bin Umar, Radd al-Muhtar 'Ala al-Durr ol-Mukhtar, 1998, Jilid 1 dan 2, Beirut : Dar Ihya al-Turath al-'Arobi.

12. Al-Dardir, Ahmad bin Muhammad, Aqrab al-Masalik Li Mazhab al-Imam Malik (Al-Syarh al-Saghir), Jilid 1 , Mesir : Al-Maktabah al-Tijariyyah.
13. Al-Sawi, Ahmad bin Muhammad, Bulghat al-Salik Li Aqrab al- Masalik, Jilid 1, Mesir : Al-Maktabah al-Tijariyyah.
14. Al-Bahuti, Mansur bin Yunus, Kasysyaf al-Qina” An al-Iqna’, Jilid 1 , Arab Saudi : Kementerian Kehakiman.
15. Al-Maqdisi, Muwaffaq al-Din Ahmad Ibn Qudamah, 1997, Al-Mughni Syarh al-Mukhtasar al-Khiraqi, Jilid 1 dan 3, Al-Riyadh : Dar ‘Alam al-Kutub.
16. Al-Bani, Muhammad Said bin ‘Abd al-Rahman, ‘Umdat al-Tahqiq Fi al-Taqlid Wa al-Talfiq, Dar al-Qadiri.
17. Jabatan Perdana Menteri, 1980, Al-Quran - Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran, Kuala Lumpur.
18. Ahmad’Isa’Asyur, Al-Qahirah, 1988, Al-Fiqhal-Muyassar Fial-’Ibadat Wa al-Mu’amalat, Jilid 2, Dar Al-Yusif. Hal 245.
19. Prof. Dr. Abd. Hamid Arshat, 1988, Titisian Zuriat, Kuala Lumpur, : Pustaka Wira, Hal 4.
20. Ahmad Al-Qalasy, Kasyfu al-Khafa Wa Muzil al-Albas, Juzuk 1 , Al-Qahirah: Dar Al-Turath, Hal 258.
21. Dr. Amran Kasimin dan Prof. Dr. Haron Din, 1988, Rawatan Pesakit menurut Al-Quran dan Al-Sunnah, Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd. Hal 32.
22. Dr. Danial Zainal Abidin, 1988, Konsep Perubatan Islam, Pulau Pinang: Pustaka Nahnu, Hal 14-72.
23. Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah, Al-Tibb Al-Nabawi, Beirut: Dar Al-Fikr, Hal. 24.
24. 1993, Kamus Dewan Edisi Baru, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hal 323.
25. 11-12 April 1984, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada, Di Bilik Gerakan, Jabatan Kerjaraya, Ipoh, Perak.
26. Dr. Mohd. Baidi bin Bahari dan Dr. Rahmat bin Awang, 1989, Panduan Mengguna Ubat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Hal 1 .
27. Dr. Mustafa Al-Khin, 1992, Al-Fiqh Al-Manhaji ‘Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafi’e, Juzuk 2, Damsyek : Daru Al-Qalam, Hal 92-95.
28. Muhammad Syatta Al-Dimyati Al-Bikri, 1995, Hasyiah l’ anah Tholibin, Juzuk 2, Beirut : Daru Al-Kutub Al-’Ilmiyyah, Hal 357-368.
29. Al-Nawawi, Al-Azkar, Al-Qahirah : Maktabah Al-Mutanabbi, Hal 117-212.
30. Al-Syeikh Daud Al-Fatoni, Matla’ Ul-Badrain Wa Majma’ Ul-Bahrain, Penerbit : Nahdi Trading, Hal 61 .
31. Al-Syeikh Ismail Al-Fatoni, Tahun 1932, Kifayah Al-Muhtadi, Tanpa Penerbit, Hal 158.
32. Syed Yusuf bin Ali Al-Zawawi, 1971 , Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu Kuala Terengganu: Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Hal 20.
33. Sarip bin Adul, 2002, Panduan Puasa Ramadhan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Cetakan Kedua.



Diterbitkan oleh :

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG,

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.

Tel : 04-263 2975

Faks : 04-263 2985